

HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

Rujukan Kami : UPM.HSAAS.100-1/6/1 (1/2024)

Tarikh : 4 Januari 2024

Semua Kakitangan, Pelajar,
Pesakit dan Pelawat
Hospital Sultan Abdul Aziz Shah UPM

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ARAHAN PENTADBIRAN 1/2024

PINDAAN WAKTU DAN PROSEDUR MELAWAT PESAKIT HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sepertimana semua pihak sedia maklum, peningkatan pelawat di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS) telah mengakibatkan kesesakan di ruang menunggu lobi utama disebabkan waktu melawat yang singkat. Pihak HSAAS mengambil perhatian mengenai perkara ini dan telah bersetuju untuk melihat semula prosedur melawat yang bersesuaian.

3. Bagi memudahkan urusan semua pihak sewaktu sesi lawatan pesakit di HSAAS, pihak Pengurusan HSAAS telah meluluskan dan menetapkan waktu dan prosedur melawat pesakit adalah seperti berikut:-

WAD	HARI	MASA
WAD BIASA	ISNIN – JUMAAT	12.30 Tengahari – 2.00 petang 5.00 petang – 7.00 malam
	SABTU, AHAD & CUTI UMUM	12.30 Tengahari – 7.00 malam
WAD KRITIKAL • ICU, PICU, PSIKIATRI, WAD OBSTETRIK (Hanya dua (2) orang pelawat sahaja dalam satu masa)	ISNIN – JUMAAT	12.30 Tengahari – 2.00 petang 5.00 petang – 7.00 malam
	SABTU, AHAD & CUTI UMUM	12.30 Tengahari – 7.00 malam


NICU (Hanya ibu / bapa sahaja dibenarkan)	ISNIN – JUMAAT	12.30 Tengahari – 2.00 petang 5.00 petang – 7.00 malam
	SABTU, AHAD & CUTI UMUM	12.30 Tengahari – 7.00 malam
WAD EKSEKUTIF (Hanya dua (2) orang pelawat sahaja dalam satu masa)	ISNIN - AHAD & CUTI UMUM	12.00 Tengahari – 7.00 malam
<p>PERATURAN WAKTU MELAWAT HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH UPM</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelawat diwajibkan untuk memakai pelitup muka sepanjang berada di wad; 2. Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah tidak dibenarkan melawat pesakit di wad; 3. Dilarang merokok / vape di dalam kawasan hospital; 4. Dilarang mengambil gambar dan membuat rakaman video di dalam wad; 5. Dilarang membuat bising dan mengganggu petugas kesihatan di hospital; 6. Lawatan di luar waktu melawat, pelawat perlu mengambil pas pelawat di kaunter khidmat pelanggan (dengan kebenaran pegawai perubatan di wad). 		

4. Untuk makluman, **waktu dan prosedur melawat ini akan berkuatkuasa pada 4 Januari 2024**. Oleh itu, setiap kakitangan, individu, pelajar, pesakit, waris atau pelawat yang berada di premis HSAAS diminta untuk mengambil maklum mengenai arahan ini dan memastikan pelaksanaan arahan ini dipatuhi.

Sekian, Terima kasih

**BERILMU BERBAKTI
MALAYSIA MADANI**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. DR. HJ HAMIDON BIN HJ BASRI
PENGARAH**